

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM SANTUNI RUMAH TEDUH KANGAR, PERLIS

KANGAR, PERLIS, Khamis, [4 Julai 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini ke lokasi terakhir bagi Program AMAL Ihtimam Syawalnya iaitu di sebuah pusat jagaan dan perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak yang dikenali sebagai Rumah Teduh. Program ini merupakan aktiviti tanggungjawab korporat Bank Islam sempena bulan Syawal dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM46,450 untuk menyantuni lebih 50 orang penghuni yang terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak.

Program bermula pada tengah hari di mana warga Bank Islam yang diketuai oleh Puan Maria Mat Said, Ketua, Perundangan dan Kesetiausahaan bersama-sama 15 pelajar sukarelawan daripada Universiti Malaysia Perlis ("UNIMAP") berganding bahu melaksanakan program gotong-royong AMAL seperti mengecat dan menceriakan Rumah Teduh.

Turut diadakan juga kelas masakan khusus untuk penghuni wanita di sini bagi memberi pendedahan dan kemahiran membuat roti dan kek supaya dapat membantu mereka menjana pendapatan sendiri.

Puan Maria Mat Said berkata, "Bank Islam mengambil kesempatan untuk menghulurkan sumbangan zakat sejumlah RM10,000 kepada Rumah Teduh bagi menampung pembiayaan kos operasi dan program pembangunan di sini. Program ini memberi peluang kepada kami untuk menzahirkan amalan berkongsi rezeki dengan golongan yang kurang mendapat perhatian dan kami amat bersyukur diberikan kesempatan untuk meluangkan masa beramah mesra bersama para penghuninya."

Selain itu, keceriaan bertambah juga apabila seramai 43 penghuni di sini menerima sumbangan duit raya sejumlah RM6,450 dan seterusnya dimeriahkan lagi dengan jamuan makan.

“Secara keseluruhan, Bank Islam telah memperuntukkan sejumlah RM194,250.00 melalui dana zakat dan AMAL Bank Islam untuk dikongsikan bersama-sama 400 penerima manfaat bagi Program AMAL Ihtimam Syawal 2019 di Terengganu, Johor, Perlis dan Sarawak.” tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--